

Kesahan

Rosly Bin Kayar

Kesahan dalam Pengukuran Self-Esteem adalah sangat penting. Ini kerana sesuatu ujian itu akan mempunyai kebolehpercayaan jika mempunyai kesahan yang tinggi. Kandungan kesahan yang tinggi menunjukkan konsep yang diuji boleh dipercayai dan begitulah sebaliknya. Kesahan sesuatu konsep yang diuji akan berubah-ubah berdasarkan responden, jumlah responden, item soalan, jangkamasa kajian dan tempat kajian. Oleh itu, pengkaji perlu memikirkan apakah instrument yang paling sesuai digunakan bagi mengukur self-esteem. Bagi mendapatkan kesahan maka pengkaji perlu mamatuhi beberapa prosedur penyelidikan supaya hasil kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi